



Peraturan dan Arahan yang perlu dipatuhi semasa mengikuti Kursus/Seminar/Bengkel di Institut Latihan MAKPEM

1. ***Peserta tidak dibenarkan memakai seluar pendek atas lutut dan kemeja-T tidak berlengan dan mestilah sentiasa berpakaian sopan semasa berada didalam kawasan Institut ini.***
2. ***Peserta tidak dibenarkan membuat bising yang boleh mengganggu urusan Pejabat Pentadbiran dan lain-lain pihak yang berada di Institut ini.***
3. ***Peserta tidak dibenarkan menyidai/menggantungkan pakaian di luar tingkap Bilik Asrama.***
4. ***Peserta tidak dibenarkan meletak kenderaan ditempat letak kereta Pegawai dan kakitangan dibahagian hadapan Institut. Tempat letak kereta pelawat terdapat dibelakang Institut dan berhampiran dengan Pondok Pengawal.***
5. ***Peserta tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan elektronik kedalam Institut ini dan tidak boleh membawa keluar apa-apa barang kepunyaan Institut ini tanpa kebenaran.***
6. ***Peserta tidak dibenarkan merokok atau membawa makanan di dalam Bilik Asrama .***
7. ***Peserta tidak dibenarkan menggunakan telefon Pejabat Urusetia didalam apa-apa urusan. Telefon awam boleh didapati di Tingkat Bawah dan Tingkat 2 Institut ini.***
8. ***Peserta tidak dibenarkan membuat sebarang perniagaan atau perundingan perniagaan dengan orang luar didalam kawasan Institut ini.***
9. ***Peserta tidak dibenarkan membawa keluarga, suami/isteri/anak atau lain-lain orang yang tidak berkaitan untuk tinggal bersama sepanjang tempoh Kursus/Seminar/Bengkel.***
10. ***Bagi peserta suami isteri, jika ada, mereka akan ditempatkan di Bilik Asrama yang berasingan dan bukan di bilik yang sama.***
11. ***Peserta perempuan tidak dibenarkan berada di Bilik Asrama peserta lelaki pada bila-bila masa dan begitu juga sebaliknya.***
12. ***Segala bentuk perjumpaan/perbincangan dengan keluarga hendaklah diadakan dalam Bilik Rekreasi di Tingkat Bawah.***
13. ***Keluarga peserta tidak dibenarkan berada di Dewan Makan semasa peserta-peserta Kursus sedang makan.***
14. ***Peserta tidak dibenarkan keluar/masuk atau menerima keluarga/tetamu selepas pukul 10.00 malam.***
15. ***Peserta hendaklah berada didalam Bilik Asrama selewat-lewatnya pukul 11.00 malam.***
16. ***Pegawai-Pegawai Majlis pada bila-bila masa boleh membuat pemeriksaan dari Bilik ke Bilik.***
17. ***Peserta hendaklah memastikan supaya letrik dan air digunakan dengan jimat tanpa membazir.***
18. ***Peserta hendaklah mendaftar keluar pada hari akhir Kursus dengan menandatangani senarai daftar dan memasukkan kunci bilik didalam kotak kunci di Kaunter Pendaftaran di Tingkat 1, selewat-lewatnya pukul 9.00 malam. (Kunci hilang akan dikenakan bayaran RM5.00 setiap satu).***

Hanya peserta yang menghadapi masalah tiket perjalanan balik akan dibenarkan tinggal untuk satu malam lagi tetapi makanan tidak akan disediakan. Walaubagaimanapun, mereka hendaklah mendapatkan kelulusan dari Pegawai Eksekutif/Pegawai Tadbir MAKPEM.

**'SILA PASTIKAN TINGKAP, LAMPU, KIPAS, PENGHAWA DINGIN DAN AIR
DITUTUP TERLEBIH DAHULU SEBELUM MENINGGALKAN BILIK ASRAMA ATAU MANA-MANA BILIK YANG
DIGUNAKAN'**

**Sebarang aduan sila hubungi : Puan Rahimah binti Mohd. Shariff, Pegawai Tadbir, MAKPEM
No. Tel. : 03 - 4044 7640/41 / 012 - 3123593**

Arahan : Pihak Pengurusan, MAKPEM.